

PROGRAM PERHOTELAN (HE08) JUARAI KARNIVAL SUKAN KELUARGA (KASUGA) 2008

Karnival Sukan Keluarga (KASUGA) 2008 telah dijalankan dengan penuh meriah dan berjaya baru-baru ini. Sejak jauh dengan tema 'Mahasiswa Sihat Negara Gemilang' karnival sukan yang diadakan setiap tahun merupakan anjuran bersama Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi dengan kerjasama Sekolah Perniagaan & Ekonomi serta mendapat sokongan semua kelab-kelab yang bernaung di bawah PMPE. Pelbagai aktiviti sukan telah berlangsung sepanjang 5 hari. Karnival sukan itu dijalankan bermula dari 18 hingga 23 Februari 2008. Acara telah berlangsung di Kompleks Sukan UMS serta beberapa lokasi di Kampung E. Menurut Pengarah Karnival Sukan 2008, Basran Ahmad, beberapa acara tambahan telah diadakan bagi menambahkan kemeriahkan serta meningkatkan penyertaan para pelajar menyertai acara-acara yang disediakan. Penutupan Karnival Sukan 2008 telah dilakukan oleh Dekan SPE, Prof. Madya Dr. Hj. Kassim Hj. Md. Mansur.

